

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KELAB SUKAN & KEBAJIKAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL, JMG MALAYSIA
BIL. 1/2005**

Tarikh : 12.01.2005
Tempat : Bilik Mesyuarat, Makmal BPT
Masa : 09.00 pagi

HADIR :

1. En Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi (Presiden) - Pengerusi
2. Hj. Tarmidzi Bin Abd Manap (Ketua Biro Kebajikan)
3. En Dzazali Bin Ayub (Ketua Biro Rekreasi)
4. En Abdul Wahab Bin Mohd Noor (Pen. Bendahari)
5. Pn Rodziah Binti Husain (Ketua Biro HELWA)
6. Pn Hamisah Binti Adnan (AJK)
7. En Mohd Fuzi Bin Hashim (Timb. Setiausaha Kehormat) - Setiausaha
8. En. Mohd Zahar Bin Ibrahim (AJK - Webmaster)

TIDAK HADIR :

1. Hj. Zaidi Bin Hassan (Timbalan Presiden) - Mesyuarat di Kuala Lumpur
2. Hj. Azhari Bin Ahmad (Bendahari) - Mesyuarat di Kuala Lumpur
3. En. Nurul Huda Bin Romli (Setiausaha Kehormat) – Menghadiri PKLN
4. En. Abdullah Bin Sulaiman (Ketua Biro Sukan) – kerja luar di Vietnam

1.0 UCAPAN PENERUSI

Tuan Pengerusi sebagai Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan membuka mesyuarat dengan memberi salam dan mengucapkan selamat tahun baru 2005.

Tuan Pengerusi memohon maaf disebabkan terpaksa menunda tarikh mesyuarat sebanyak dua kali disebabkan terpaksa menyediakan persediaan untuk lawatan menteri ke JMG.

Tuan Pengerusi mengingatkan semua ahli jawatankuasa sempena memasuki tahun baru ini supaya merancang dan mengemaskini aktiviti yang akan dan hendak dijalankan. Beliau juga memaklumkan bahawa Pengarah BPT, Mr Chow Weng Sum selaku Penasihat Kelab telah memberi sepenuh galakan dan sokongan kepada AJK dalam menjalankan setiap aktiviti yang dianjurkan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi menyentuh tentang Pekeliling Perbendaharaan 4/2004 mengenai aktiviti sosial yang mana disebutkan bahawa terdapat penambahan peruntukan daripada RM1.00 kepada RM10.00 bagi setiap ahli yang didaftarkan dibawah Kelab. Disamping itu terdapat juga peruntukan Matching Grant kepada setiap ahli yang berdaftar dengan syarat Kelab mestilah berdaftar dibawah ROS dan jumlah tuntutan adalah berdasarkan jumlah ahli yang didaftarkan.

Tindakan : S/U & TS/U

Tuan Pengerusi juga membangkitkan mengenai kaedah pengagihan peruntukan bagi setiap Biro yang diwujudkan. Beliau memohon cadangan daripada mesyuarat dan mesyuarat bersetuju untuk mengagihkan peruntukan dan sekiranya terdapat kekurangan peruntukan Biro boleh memohon kepada AJK seterusnya. Bendahari diminta membuat pengagihan secepat mungkin supaya aktiviti Biro yang dirancang pada tahun ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Tindakan : Bendahari & Timb. Bendahari

Disamping itu, Tuan Pengerusi juga memaklumkan yang Kelab telahpun mengadakan kerjasama dengan Koperasi Perak untuk memudahkan urusan pembayaran lesen kenderaan ahli secara potongan terus melalui koperasi namun setakat ini sambutan yang diterima daripada warga JMG masih kurang menggalakkan. Tuan Pengerusi mencadangkan agar Kelab menjemput Koperasi mengadakan sedikit taklimat mengenai kelebihan kaedah ini semasa perhimpunan bulanan atau mesyuarat agong yang akan datang.

Tindakan: S/Usaha Kehormat

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 6/2004

Minit mesyuarat Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan Bahagian Perkhidmatan Teknikal, JMG Malaysia Bil. 6/2004 telah diterima dan disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEMASA MESYUARAT BIL. 1/2005

3.1 AHLI BERSEKUTU

Berkenaan dengan penerimaan sebagai ahli, Ahli Bersekutu boleh diterima setelah diluluskan dalam Mesyuarat Agong yang akan datang. Menyentuh mengenai hak-hak ahli bersekutu, Ahli Bersekutu tidak dibenarkan memegang sebarang jawatan dalam Kelab. Disamping itu, Ahli Bersekutu juga tidak dibenarkan mengundi dalam Mesyuarat Agong semasa pemilihan sedang berlansung.

Mengenai kadar yuran, Tuan Pengerusi mencadangkan supaya kadar yuran tidak dibayar sepenuhnya seperti ahli yang lain.

Tawaran sebagai Ahli Bersekutu hanya dibuka kepada

- Bekas pegawai di BPT
 - i. Pindah pejabat
 - ii. Bersara
 - iii. Letak Jawatan
 - iv. DII(jika terdapat cadangan)
- Suami / Isteri Pegawai

Tempoh sah sebagai ahli bersekutu dicadangkan sehingga

- Pencen
- Bersara

Tindakan : S/U & TS/U

3.2 PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN MOTTO KELAB

En. Zahar telah memaklumkan, mesyuarat pertama pada 10/08/04 untuk mengesahkan perlantikan AJK telah diadakan. Promosi di papan-papan penyertaan dan website juga telah diadakan. Sebanyak 9 logo dan 15 motto telah diterima sebagai penyertaan untuk dipertandingkan. Pemilihan pemenang bagi kedua-dua kategori penyertaan akan dibuat sebaik sahaja tamat mesyuarat kelab Bil 1/2005. Kaedah undian dan pembahagian markah adalah berdasarkan 70% undian dari MT Kelab dan baki 30% adalah daripada undian secara e-mail.

Mesyuarat dimaklumkan yang hadiah mengikut mesy. Bil 4/2004 yang diluluskan adalah berjumlah RM 250.00 beserta sijil dan pembahagian yang diputuskan kepada pemenang adalah seperti berikut:

- Logo RM100.00 untuk tempat pertama dan RM20.00 untuk tempat ke 2 & 3.
- Motto RM 50.00 untuk tempat pertama dan RM20.00 untuk tempat ke 2 & 3.
- Hadiah RM3.00 kepada pengundi yang memilih tepat dalam bentuk key chain

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan cenderamata sebanyak RM250.00.

Tindakan : En Zahar/Bendahari

3.3 BILIK KELAB

Tn Hj Tarmidzi memaklumkan yang cermin dan air-cond sudah dipasang. Walaubagaimanapun, bilik kelab ada connecting dengan bilik pemandu disebelah jadi perlu tutup jika mahu pasang air-cond. Namun kosnya dijangka meningkat. Oleh itu tidak praktikal untuk menggunakan air-cond sekarang. Mesyuarat dimaklumkan rak-rak untuk pameran dan jualan masih belum ada.

Tindakan : Tn Hj Tarmidzi, Tn Hj Azhari & Tn Hj Zaidi

Tn Hj Tarmidzi juga mencadangkan ditambah sedikit peruntukan memandangkan peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi setelah digunakan untuk mengetuk pintu dan memasang air-cond. Seterusnya Tn Hj mencadangkan agar pelan (termasuk kaunter & pameran) dibuat supaya ada panduan untuk disertakan permohonan kepada pejabat.

Tindakan : Tn Hj Tarmidzi & Tn Hj Zaidi

3.4 CENDERAHATI KEPADA WEBMASTER

Tuan Pengerusi memohon agar cenderahati kepada En Zahar bin Ibrahim iaitu selaku webmaster dipercepatkan diatas sumbangan beliau untuk mewujudkan Laman Web Kelab KSK BPT.

Tindakan : Bandahari Kehormat

3.5 IKLAN-IKLAN PERSENDIRIAN

Mesyuarat dimaklumkan oleh webmaster yang terdapat rumah untuk disewa. Sekiranya berminat boleh melayari website KSK BPT ataupun hubungi En Zahar untuk maklumat lanjut.

Makluman : Semua

3.6 PEKELILING PERBENDAHARAAN

Mesyuarat dimaklumkan yang Pekeliling Perbendaharaan 4/2004 mengenai aktiviti sosial yang mana disebutkan bahawa terdapat penambahan peruntukan daripada RM1.00 kepada RM10.00 bagi setiap ahli yang didaftarkan dibawah Kelab. Disamping itu terdapat juga peruntukan Matching Grant kepada setiap ahli yang berdaftar dengan syarat Kelab mestilah berdaftar dibawah ROS dan jumlah tuntutan adalah berdasarkan jumlah ahli yang didaftarkan.

Untuk mendapatkan peruntukan, permohonan hendaklah dibuat kepada ibupejabat sebagai penyelaras. Item-item yang diperlukan ialah:

- No Pendaftaran Kelab
- Bil. Ahli Berdaftar
- Jumlah kutipan yuran setiap ahli sebulan

Tindakan : S/U & TS/U

4.0 LAPORAN BIRO-BIRO

4.1 LAPORAN SETIAUSAHA KEHORMAT

4.1.1 Keahlian

Mesyuarat dimaklumkan bahawa bilangan keahlian kelab sehingga tarikh mesyuarat hari ini adalah berjumlah 126 orang ahli. Ini adalah melebihi separuh daripada jumlah staf iaitu lebih kurang 180 orang.

Makluman : Semua

4.2 LAPORAN BENDAHARI KEHORMAT

Laporan daripada Tn Hj Zaidi selaku Bendahari Kehormat ditangguhkan sehingga mesyuarat akan datang disebabkan beliau sedang menghadiri satu mesyuarat di Kuala Lumpur. Pengerusi memaklumkan yang kelulusan daripada Biro Angkasa untuk pemotongan gaji bulanan ahli secara tetap sudah diluluskan.

Makluman : Semua

4.3 BIRO SUKAN

En Mohd Zahar Bin Ibrahim mewakili pengerusi Biro Sukan memaklumkan bahawa Kontijen MNRE telah memenangi 6 daripada 13 acara Sukan Persahabatan MEWR-MNRE yang telah berlangsung di Singapura pada 18 September 2004.

Bagi Sukan Kompleks yang telah berlangsung selama sebulan baru-baru ini, iaitu pada 11 September-9 Oktober 2004. Sebanyak 15 acara telah dipertandingkan dan BPT telah memenangi 5 daripadanya. Walaubagaimanapun juara keseluruhan jatuh kepada PPM dengan menjuarai sebahagian besar daripada acara yang dipertandingkan. Namun BPT berjaya menduduki tempat ke dua secara keseluruhannya. En Zahar memaklumkan kekurangan latihan yang konsisten adalah punca utama kekalahan kepada PPM.

Makluman : Semua

Pengerusi memaklumkan bahawa, Pengarah BPT iaitu Dr. Chow Weng Sum ada mencadangkan kepada beliau supaya kelab menyewa sebuah gelanggang badminton sekurang-kurang sekali seminggu untuk aktiviti sukan dikalangan warga JMG/Kelab. Mesyuarat telah bersetuju dan mencadangkan agar sebuah gelanggang yang berhampiran disewa untuk mereliasasikan cadangan tersebut.

Tindakan : Biro Sukan

4.4 BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Tuan Hj Tarmidzi bin Abd Manap, Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial memaklumkan bahawa, berdasarkan kepada program-program biro yang telah dirancang sebahagian daripadanya telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Berikut adalah serba sedikit laporan aktiviti biro yang telah dijalankan :

4.4.1 Majlis Sambutan DeepaRaya 2005

Bagi Majlis Sambutan DeepaRaya 05, majlis telah diadakan dengan jayanya pada 10/12/05 baru-baru ini dan berlansung dalam suasana muhibbah dengan penyertaan pelbagai kaum .

4.4.2 Lawatan Sambil Belajar

Program ini masih dalam perancangan dan perkembangannya akan dimaklumkan kemudian.

Pengerusi mencadangkan supaya aktiviti ini dapat dijalankan bersama Biro Rekreasi.

4.4.3 Lawatan Kebajikan

Tn Hj memaklumkan bahawa terdapat dua cara penyampaian derma dilakukan iaitu melalui Tabung Kebajikan dan yang keduanya adalah melalui Menyalurkan Terus sumbangan kepada golongan sasaran. Beliau juga memaklumkan bahawa pada bulan Ramadhan yang lepas pihaknya telah menjalankan kutipan derma sumbangan daripada anggota keluarga BPT dan telah diserahkan kepada Rumah Anak Yatim Daru Hikmah bertempat di Sungai Itik, Kg Pintu Padang, Gopeng, Perak.

4.4.4 Sumbangan Kepada Pegawai/Kakitangan yang Menunaikan Fardhu Haji

Sumbangan kepada bakal haji belum dapat dilaksanakan, namun Tn Hj menjelaskan berkemungkinan AJK Surau telah menjalankan kutipan tersebut.

4.4.5 Sumbangan kepada pegawai / kakitangan yang melansungkan perkahwinan /mendapat cahaya mata / kematian. **

Pn Hamisah mencadangkan supaya kelab memperuntukkan sedikit sumbangan untuk ahli-ahli yang bakal bersara sebagai tanda penghargaan kepada mereka setelah berkhidmat di JMG. Mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan Pengerusi meminta agar dimasukkan item tersebut kedalam senarai sumbangan yang disediakan oleh Kelab.

Tindakan : Biro Kebajikan

Mesyuarat telah meluluskan kadar baru bagi kes-kes diatas dimana ianya telah diselaraskan mengikut keadaan dan kemampuan Kelab. Berikut dinyatakan kadar baru yang diluluskan tersebut:

i)	Perkahwinan *	: RM 50.00
ii)	Kelahiran Cahaya Mata*	: RM 30.00
iii)	Kematian – Pegawai/Kakitangan	: RM 50.00
	- Keluarga (Suami/Isteri/Anak)	: RM 30.00
iv)	Dimasukkan Ke Wad (dua hari/lebih)	: RM 20.00 (Bunga)
v)	Pencen	: RM 50.00

* Sumbangan hanya tertakluk kepada kes-kes kali pertama setelah pegawai/kakitangan mendaftar sebagai ahli Kelab di BPT.

**Mesyuarat bersetuju bahawa semua permohonan diatas sah mulai daripada 1hb. September 2004 dengan permohonan ahli kelab kepada Bendahari.

Tindakan: Bendahari

4.4.6 Sumbangan Tsunami

En Mohd Zahar telah mencadangkan untuk menjual 2 jenis VCD iaitu Majlis Sambutan Hari Raya dan Koleksi Foto Aktiviti Kelab yang keuntungannya boeh dibahagikan bersama kelab untuk disumbangkan kepada mangsa tsunami. Mesyuarat telah bersetuju agar 2 VCD tersebut diedarkan kepada ahli kelab semasa perhimpunan agong nanti sebagai cenderamata kepada ahli yang hadir.

Tindakan : En Mohd Zahar

4.5 BIRO HELWA

Pengerusi Biro Helwa, iaitu Pn Rodiah memaklumkan bahawa Bironya telah pun mengumpulkan sebanyak 7 kotak pakaian terpakai yang disumbangkan oleh warga JMG. Sebanyak 5 buah kotak telah dibungkus manakala baki lagi 2 kotak akan di uruskan kemudian. Untuk makluman, proses pungutan telahpun ditutup dan hanya menunggu masa untuk diserahkan kepada pihak sasaran.

Makluman : semua

Tn Hj Tarmidzi mencadangkan supaya sumbangan tersebut diserahkan kepada masyarakat orang asli di Pos Sg. Tiong. Caranya ialah dengan menaiki bot di Jeti Banding menuju ke utara menghampiri Hutan Simpan Belum. Tujuannya adalah supaya Kelab dapat berbakti sambil berekreasi.

Tindakan : Biro Helwa

Mengenai Buku Resepi, Pn Rodiah menjelaskan bahawa pihaknya ada mencadangkan untuk mengadakan kelas masakan tetapi menghadapi masalah dari segi tenaga pengajar dan kekurangan peralatan. Beliau juga memaklumkan yang sambutan bagi Kelas Tajwid adalah kurang menggalakkan disebabkan kebanyakan kakitangan telah mengikutinya serta sesetengah daripadanya telahpun memiliki sijil.

Makluman : semua

4.6 BIRO REKREASI

En Dzazali Bin Ayub selaku Ketua Biro rekreasi memaklumkan bahawa setakat ini aktiviti masih dalam perancangan. Pihaknya telah menghantar wakil semasa aktiviti senaman anjuran DBI.

Mengenai Majlis Hari Keluarga pada tahun ini Pengerusi mencadangkan supaya perancangannya sudah boleh dimulakan. Beliau juga mencadangkan agar hari Keluarga pada tahun ini diadakan di luar Kompleks JMG. Terdapat cadangan agar majlis ini diadakan di Kuala Kangsar ataupun di Safari Resort. Tn Hj Tarmidzi mencadangkan agar dibuat pengumuman mengenai tarikh, tempat, dan masa untuk mendapatkan statistik peserta yang berminat bagi memudahkan urusan penetapan tempat kelak.

Tindakan : Biro Rekreasi

4.7 BIRO EKONOMI

Laporan daripada Tn Hj Zaidi selaku Ketua Biro Ekonomi ditangguhkan sehingga mesyuarat akan datang disebabkan beliau sedang menghadiri satu mesyuarat di Kuala Lumpur.

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 JUALAN KOMPUTER

Mesyuarat dimaklumkan iaitu En Mohd Zahar memberikan cadangan bahawa terdapat sebuah kedai yang berminat untuk menjual komputer kepada ahli kelab namun bayarannya haruslah secara tunai. Beliau mencadangkan agar potongan boleh dibuat melalui potongan Biro Angkasa dan hanya dua buah komputer sahaja diperuntukan Kelab setahun.

Pengerusi memaklumkan bahawa ianya merupakan cadangan yang baik namun buat waktu ini kelab kekurangan modal pusingan untuk tujuan ini, dan beliau mencadangkan agar ianya ditangguhkan sementara kelab mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Makluman : semua

Pengerusi juga mencadangkan agar Kelab mengadakan jualan Baju Batik memandangkan ianya merupakan satu keperluan pada masa ini dan mungkin mendapat sambutan jika diadakan.

Tindakan : Biro Ekonomi

5.2 KAD HARI RAYA

Mesyuarat dimaklumkan yang jumlah tempahan Kad Hari Raya yang lalu ialah sebanyak RM900.00. Jumlah modal yang sudah dikeluarkan adalah sebanyak RM600.00 dan dijangka keuntungan daripada jualannya hanya dapat diperolehi pada tahun hadapan.

Makluman : semua

5.3 MUZIUM

Mesyuarat memutuskan untuk menangguhkan dahulu cadangan daripada En Abd Wahab untuk menyediakan 'pamphlet' di muzium disebabkan kekurangan peruntukan dan akan dipertimbangkan pada masa hadapan.

Makluman : semua

6.0 AGIHAN BUDGET

Pn Hamisah membangkitkan soal pengagihan peruntukan kewangan kewangan kepada setiap Biro. Beliau memaklumkan bahawa Biro Helwa bercadang ingin mengadakan jualan daripada peruntukan yang diberi.

Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini telah dibangkitkan dalam permulaan utusan beliau dan memaklumkan bahawa beliau akan berbincang dengan Bendahari supaya pengagihan dapat dibuat secepat mungkin.

Tindakan: Presiden/Bendahari

7.0 'STICKER' KENDERAAN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Kelab telah diamanahkan untuk menguruskan dari segi penyediaan pelekat kenderaan. Kelab akan menggunakan 'template' yang diguna pada tahun lepad dimana hanya akan ada sedikit pengubahsuaian sahaja. Harga yang ditawarkan adalah RM2.00 bagi setiap satu. Jumlah yang akan dikeluarkan adalah lebih kurang 300 keping untuk kereta dan 200 keping untuk motosikal. Urusan pengedaran akan diuruskan oleh pentadbiran tetapi urusan pembelian akan dibuat oleh Kelab.

Tindakan : Bendahari/ Biro Ekonomi

8.0 WEBMASTER

En Mohd Zahar memaklumkan bahawa satu jawatankuasa 'Web-Team' akan dibentuk untuk menguruskan aktiviti dalam laman web.

Makluman : semua

9.0 MESYUARAT AKAN DATANG

Mesyuarat bulanan seterusnya akan dimaklumkan kemudian.

10.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi dan berharap agar segala aktiviti yang dirancang akan dapat dijalankan dengan secepat yang mungkin.

.....
Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi
Pengerusi,
KSK BPT

.....
Mohd Fuzi Bin Hashim
Timb. Setiausaha
KSK BPT